

KUALA LUMPUR, Se-lasa — Satu rancangan latihan usahawan di luar negeri akan diadakan tidak lama lagi untuk meningkatkan pengalaman usahawan Bumiputera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah meluluskan pelaksanaan rancangan itu.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, berkata usahawan yang dipilih akan dihantar ke beberapa negara untuk mengikuti latihan itu.

Negara-negara yang dipilih termasuk Jepun, Jerman Barat, Kanada, Amerika Syarikat, India, Filipina dan Negeri Thal.

Rancangan latihan yang diselenggarakan oleh Kerajaan itu akan diiklankan melalui

Rancangan baru latihan usahawan Bumiputera

akhar-akhbar tidak lama lagi. Rancangan itu akan memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk memohon.

Bellau mengumumkan demikian hari ini ketika merasmikan Institut Usahawan Bumiputera (IUB) di sini.

Datuk Musa juga berkata, pusat perkembangan usahawan Malaysia di Institut Teknologi Mara dan kursus jangka pendek untuk perkembangan usahawan di Pusat Daya Pengeluaran Negara akan diteruskan sebagai tambahan kepada usah-usaha IUB.

Tetapi, jika ketiga-tiga badan itu bermuafakat dan menentukan garis panduan tugas masing-

masing, ia dapat mengelakkan sebarang pertindihan dan kekeliruan di kalangan usahawan dan bakal usahawan Bumiputera, kata Datuk Musa.